

SALUTASI
YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD FARHAN MOHD. SADULLAH,
NAIB CANSELOR UPM

BISMILALHIRRAHMANIRAAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARHMATULLAHI WABARAKATUH

MENGHADAP DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ, TUANKU CANSELOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA.

MENGHADAP DULI YANG TERAMAT MULIA TENGGU AMIR SHAH IBNI SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ, RAJA MUDA SELANGOR, PRO CANSELOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

YANG AMAT DIHORMATI AHLI-AHLI DEWAN DI-RAJA SELANGOR

YANG AMAT DIMULIAKAN ORANG-ORANG BESAR ISTANA

ANISI

YANG BERBAHAGIA DATUK DR. ANESEEB IBRAHIM
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

YANG DIHORMATKAN ORANG-ORANG BESAR DAERAH

YANG BERBAHAGIA TAN SRI MAZLAN MANSOR, TIMBALAN
PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

~~YANG BERBAHAGIA SAHIBUS SAADAH DATO' HAJI MOHD.
SHAHZIHAN AHMAD, PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM
SELANGOR~~

YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI SYED HAMADAH SYED OTHMAN,
PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF, LEMBAGA TABUNG HAJI

YANG BERBAHAGIA DATO' PROFESOR EMERITUS DR. Ir.
MUHAMAD ZOHADIE BARDAIE
PRO CANSOLOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA TAN SRI PETER CHIN FAH KUI
PRO CANSOLOR UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

YANG BERBAHAGIA PROFESOR EMERITUS DATO' DR. IBRAHIM
KOMOO
PENGERUSI AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

PENGURUSAN TERTINGGI KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

AHLI JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

PARA PENAJA SUMBANGAN

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SAUDARA UMAR AKHTAR AB MALEK
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UPM SESI 2024/2025

HADIRIN HADIRAT SERTA PELAJAR YANG DIRAIKAN

ASSALAMUA'LAIKUM WARAHMATULLAHHI WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku, patik memohon izin untuk memulakan ucapan.

1. Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat baginda sekalian. Pada kesempatan ini, marilah kita melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufiq dan hidayah serta keizinan-Nya jua, kita semua dapat bersama-sama bertemu dan berkumpul di Masjid Universiti Putra Malaysia pada hari ini dalam Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih bersama Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibn Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor Darul Ehsan yang kita kasihi.
2. Terlebih dahulu, patik ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor ke Majlis Berbuka Puasa dan Solat Tarawih ini, serta menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, berangkat mencemar Duli ke Majlis ini.

3. Kesudian Duli Yang Maha Mulia Tuanku bersama-sama dalam majlis ini amat bermakna bagi kami semua warga kampus dan masyarakat sekitar Serdang. Hal ini memperlihatkan keperihatinan dan keperibadian baginda Tuanku yang berjiwa rakyat dan sentiasa dekat dengan masyarakat. Sesungguhnya kami sebagai rakyat negeri Selangor dan semua warga Universiti Putra Malaysia berasa bertuah dan sangat gembira kerana dapat bersama-sama baginda Tuanku. Dengan kehadiran Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang juga selaku Canselor UPM ke majlis ini, mudah-mudahan akan dapat menyuntik dan menyemarakkan lagi semangat para warga UPM untuk berusaha bersungguh-sungguh memberikan sumbangan yang bermakna kepada kemakmuran dan pembangunan Negeri dan Negara.

4. Pada kesempatan ini juga, patik dan semua warga Universiti Putra Malaysia serta masyarakat sekitar Serdang juga ingin melahirkan perasaan gembira dan bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana baginda Tuanku dikurniakan kesihatan oleh Allah S.W.T., dan kita semua sentiasa berdoa kepada Allah semoga Duli Yang Maha Mulia Tuanku dianugerahkan kesihatan yang berterusan.

5. Sesungguhnya Ramadhan merupakan bulan yang penuh dengan keberkatan, bulan untuk kita meningkatkan amal ibadah dan amal salih kerana ganjaran pahala berlipat ganda yang dijanjikan Allah S.W.T. Selain itu, Ramadhan adalah sebagai bulan untuk kita bermuhasabah diri dan menumbuhkan perasaan sayang dan kasihan belas kepada insan-insan yang miskin dan serba kekurangan.

6. Pada kesempatan ini juga, patik mewakili seluruh warga kampus merafak sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku bagi menyempurnakan penyampaian derma kurnia kepada para pelajar, serta perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menerima akad pembayaran zakat dan simbolik penyerahan sumbangan Dana Wakaf Ilmu daripada seluruh warga UPM.

7. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada semua penunai zakat dan para penyumbang wakaf dan infaq, yang telah menyalurkannya kepada Tabung Zakat dan Wakaf UPM. Moga segala sumbangan yang dihulurkan, diberi Allah S.W.T. keberkatan dan ganjaran pahala di akhirat.

8. Tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada semua warga Universiti Putra Malaysia; para pegawai, staf dan pelajar, masyarakat setempat, dan semua para tetamu yang mengambil bahagian dan memberikan kerjasama menjayakan majlis ini.

9. Di kesempatan ini, marilah kita berdoa moga negeri Selangor akan terus maju di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Semoga Allah S.W.T. sentiasa menganugerahkan kesihatan yang berpanjangan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk dapat terus memimpin dan menerajui negeri ini.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.